

UNIT RUJUKAN DAN DOKUMENTASI
DITERIMA
18 SEP 2016
U.R.D
M.B.P.J.

→ BANJIR

[FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL/BH]



Pokok besar tumbang menghempap sebuah rumah dan kereta akibat hujan lebat serta angin kencang di Jalan Perak, Georgetown.



Orang ramai mengharungi banjir kilat di Jalan P Ramlee.

[FOTO MUHAMMAD SHALABY SHAHBUDDIN/BH]



Pencawang telekomunikasi yang berada diatas bumbung Blok A, Apartmen Permata di Bandar Perda tumbang dan menghempap bumbung apartment, semalam.

Kereta hampir ditenggelami air akibat banjir kilat di Jalan P Ramlee dan sekitar Georgetown, semalam.

Banjir kilat landa Pulau Pinang

BH
19/9/16
MLS 21

➔ Hujan lebat, ribut akibatkan beberapa tempat dinaiki air, pokok tumbang

Oleh Nur Izzati Mohamad dan Fatin Fazlina Yaakob
bhnews@bh.com.my

► **Georgetown**

Hujan lebat dan ribut di beberapa kawasan di negeri ini semalam, menyebabkan beberapa tempat dilanda banjir kilat dan lapan kenderaan rosak akibat pokok tumbang.

Cuaca buruk bermula sejak jam 6 pagi itu, mengakibatkan kawasan sekitar Bayan Lepas dan Bayan Baru serta Jalan P Ramlee dinaiki air antara 0.3 hingga 0.5 meter, sekali gus membimbangkan penduduk.

Angin kencang turut mengakibatkan beberapa pokok di Jalan Perak, Jalan Tingkat Nipah, Taman Lip Sin dan Paya Terubong ter-



Pencawang yang runtuh itu turut menyebabkan motosikal dan kereta yang diletakkan di kawasan pangsapuri mengalami kerosakan akibat terkena serpihan keluli”

Adli Johari,
Pengerusi JKKP
Pangsapuri Permata

cabut sehingga merosakkan kenderaan.

Jurucakap bomba, berkata air mulai surut dalam tempoh satu ke dua jam bagi membolehkan semua laluan dibuka kepada orang ramai selepas ditutup sementara.

Penduduk tidak perlu pindah

“Kita juga selesai melakukan kerja pembersihan pokok tumbang kira-kira jam 11 pagi dan kejadian kali ini tidak memerlukan penduduk berpindah,” katanya ketika ditemui.

Sementara itu di Bukit Mertajam, bumbung sebuah rumah penduduk rosak terus selepas dihempap menara telekomunikasi yang dipasang di pangsapuri berdekatan runtuh akibat ditiup angin kencang kira-kira jam 7 pagi.

Pengerusi Jawatankuasa Kema-

juan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Pangsapuri Permata, Adli Johari, 49, berkata kejadian itu mengejutkan lebih 1,000 penduduk di kawasan berkenaan.

“Pencawang yang runtuh itu turut menyebabkan motosikal dan kereta yang diletakkan di kawasan pangsapuri mengalami kerosakan akibat terkena serpihan keluli,” katanya.

Di **Simpang Ampat**, seorang pekerja ladang warga Nepal berusia 20 tahun maut selepas pondoknya dihempap pokok sawit yang tumbang ketika cuaca buruk melanda kawasan itu kira-kira jam 9 pagi.

Pokok terbabit tumbang akibat ditiup angin kencang dan anggota bomba mengambil masa kira-kira 30 minit bagi mengeluarkan mayatnya yang tersepit.